

**GARIS PANDUAN MENGENAI KENAIKAN PANGKAT  
(RUJ: UPSM 30/2006)**

**A. Kumpulan Pengurusan Dan Profesional**

1. Tertakluk kepada kekosongan jawatan kecuali skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik.
2. Telah memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan:
  - i. disahkan dalam perkhidmatan
  - ii. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
  - iii. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan sekurang-kurangnya pada aras III
3. Kebolehan pegawai ditentukan mengikut:
  - i. Kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya
  - ii. Sifat peribadi, Keutuhan, Kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang diisi.
4. Bebas daripada tindakan tatatertib dan kes jenayah.
5. Tempoh minima berkhidmat dalam satu-satu gred:
  - i. Gred 41 - 5 tahun
  - ii. Gred 44 - 3 tahun
  - iii. Gred 48 - 3 tahun
  - iv. Gred 52 - 3 tahun kecuali pegawai yang menjalankan tugas sebagai Ketua Unit/Pengurus Stesen/Pengarah Wilayah/Pengarah Negeri
6. Memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada LGM dengan markah Purata Laporan Penilaian Prestasi untuk tiga tahun kebelakang berturut-turut dari tahun penilaian semasa sekurang-kurangnya 80.
7. Menghasilkan penerbitan penyelidikan yang dijalankan.
8. Kekananan dalam perkhidmatan hanya akan diambilkira apabila dua atau lebih pegawai yang mempunyai kebolehan yang sama.
9. Atas kepentingan LGM, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat boleh membuat apa-apa keputusan mengenai kenaikan pangkat kumpulan pengurusan dan professional selain daripada syarat-syarat yang ditetapkan.

## B. Kumpulan Sokongan

1. Tertakluk kepada kekosongan jawatan.
2. Telah memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan:
  - a. disahkan dalam perkhidmatan
  - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
  - c. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan
3. Kebolehan pegawai ditentukan mengikut:
  - a. Kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya
  - b. Sifat peribadi, keutuhan, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang diisi.
4. Bebas daripada tindakan tatatertib dan kes jenayah.
5. Tempoh berkhidmat dalam satu-satu gred:
  - i. Gred 17 - 3 tahun
  - ii. Gred 22 - 3 tahun
  - iii. Gred 27/29 - 5 tahun
  - iv. Gred 32/36 - 3 tahun
6. Memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada LGM dengan markah purata Laporan Penilaian Prestasi untuk tiga tahun kebelakangan berturut-turut dari tahun penilaian semasa sekurang-kurangnya 80.
7. Kekananan dalam perkhidmatan hanya akan diambilkira apabila dua atau lebih kakitangan yang mempunyai kebolehan yang sama.
8. Atas kepentingan LGM, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat boleh membuat apa-apa keputusan mengenai kenaikan pangkat kumpulan sokongan selain daripada syarat-syarat yang ditetapkan.

(Pindaan Garis Panduan dipersetujui oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat pada 3 Ogos 2009)